

## PROGRAM ORIENTASI ATLET BAHARU UPM 2020/2021




Program Orientasi Atlet Baharu UPM Sesi 2020/2021 telah diadakan secara atas talian menggunakan medium *Google Meeting* pada 01 November 2020 (Ahad). Program ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada atlet-atlet baharu mengenai fungsi dan peranan Pusat Sukan berkaitan dengan program pembangunan sukan di UPM. Program ini telah disertai oleh 98 orang atlet baharu bagi kemasyarakatan sesi 2020/2021. Penerangan-penerangan mengenai fungsi dan peranan Pusat Sukan UPM ini telah disampaikan oleh Ketua Pusat Sukan UPM, Ketua Kecemerlangan dan Pembangunan Sukan dan Ketua Pengurusan Sukan UPM. Program tersebut bermula pada 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.

### PROJEK NAIK TARAF FASILITI SUKAN

Proses penyelenggaraan dan pembangunan fasiliti sukan merupakan agenda penting dalam kalender universiti bagi memastikan komuniti UPM dapat menggunakan perkhidmatan fasiliti secara optimum. Sebagai jabatan peneraju dalam pembangunan sukan di UPM, Pusat Sukan amat optimis dalam merencana pembangunan fasiliti sukan untuk kegunaan program pembangunan sukan, kegunaan kelas akademik dan kemudahan untuk komuniti UPM sendiri. Antara fasiliti sukan yang dibangunkan dalam tempoh November hingga Disember 2020 adalah seperti berikut:



### BENKEL PENGURUSAN MEDIA DALAM SUKAN



Peningkatan visibiliti UPM sentiasa dikaitkan dengan penyiaran berkenaan program UPM disiarkan oleh pihak media. Melihat kepada kepentingan ini, Pusat Sukan telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Media dalam Sukan kepada para pelajar kolej yang berlangsung pada 7 November 2020 secara atas talian. Program ini telah disertai oleh 102 peserta yang terdiri daripada pelajar - pelajar UPM. Pengendalian program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Kolej 14 UPM. Antara panel yang terlibat ialah pengulas sukan negara iaitu Hafizal Hamad daripada Astro Arena dan Dr. Shahril Nizam daripada Fakulti Bahasa moden dan Komunikasi, UPM. Objektif program adalah untuk menambah pengetahuan para peserta dalam bidang penyediaan penulisan berita sukan dan mengetahui cara mengulas berita sukan dengan lebih efektif dan menarik.

### SENARAI ATLET HOKI UPM DALAM PASUKAN KEBANGSAAN 2020/2021

Tahniah buat atlet-atlet Hoki UPM yang disenaraikan ke dalam Pasukan Junior Kebangsaan/Skuad Projek Khas Lelaki Kebangsaan dan juga pasukan Hoki Senior Kebangsaan bagi tahun 2020/2021.

#### Atlet UPM dalam pasukan junior kebangsaan:

1. Muhamad Izham Azhar
2. Muhammad Aidil Mohd Shah
3. Muhammad Syami Zulkifli
4. Muhammad Shafiq Hassan
5. Muhammad Hamiz
6. Muhammad Amirul Hamizan
7. Muhammad Akhimullah
8. Muhammad Muhibuddin
9. Idris Samad
10. Muhajir Abdu Rauf



#### SKUAD PROJEK KHAS LELAKI KEBANGSAAN 2020/2021 ATLET UPM



#### Atlet Hoki UPM dalam pasukan Senior Kebangsaan:

1. Syed Syafiq Syed Cholan
2. Najmi Farizal Jazlan
3. Nik Aiman Nik Rozemi
4. Muhammad Noor Firdaus Rosli
5. Muhammad Arif Syafie Ishak


## ATLET UPM SERTAI KEJOHANAN PERINGKAT UNIVERSITI ASIA



Nithyalakshmi a/p Sivanesan. Atlet Catur Universiti Putra Malaysia antara atlet IPT yang telah terpilih mewakili pasukan Universiti Malaysia dalam Kejujutan 2020 *Asian University Chess Championship Online*, di Tehran Iran bermula pada 14-19 Disember 2020. Kejujutan ini merupakan kejujutan antarabangsa yang pertama kali diadakan secara atas talian setelah dunia mengalami penularan pandemik Covid-19.

## PUSAT SUKAN ANJUR LATIHAN SECARA MAYA

Pusat Sukan mengambil inisiatif untuk menyediakan rakaman video latihan kepada atlet-atlet sebagai panduan bagi mengadakan latihan di kediaman masing-masing dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Selain itu, jurulatih bagi setiap pasukan juga bertanggungjawab dalam membuat pemantauan latihan semasa PKPB serta menyediakan rancangan latihan kepada atlet. Hal ini bagi memastikan atlet berada dalam tahap kecergasannya yang terbaik dan bersedia untuk menghadapi kejujutan pada tahun 2021.



## PENCAPAIAN ATLET UPM NOV-DIS 2020



### Leong Mun Yee (Terjun)

**Pencapaian:** Johan 10m seirama wanita  
**Kejujutan:** Kejujutan Terjun Antarabangsa Malaysia  
**Tarikh:** 5 Disember 2020  
**Tempat:** Bukit Jalil, Kuala Lumpur

### Johnathan Nyepa (Olahraga)

**Pencapaian:** Johan acara 100m & 200m  
**Kejujutan:** Karnival Majlis Sukan Negara (MSN) 2020  
**Tarikh:** 12 Disember 2020  
**Tempat:** Bukit Jalil, Kuala Lumpur



## UCAPAN SELAMAT DATANG



En. Rozaini Abdul Rahim  
Bermula 16 November 2020



Cik Che Dini Maryani Che  
Mohammad Ishkandar El-Rahimin  
Bermula 10 November 2020

## PUSAT SUKAN PERKUKUHKAN KERJASAMA MOU DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN

Pada 14 Disember 2020, satu perjumpaan antara Pusat Sukan dan United State Sport Academy (USSA-MY) sebagai langkah awal bagi membincangkan program-program yang bakal diadakan secara kerjasama pada tahun 2021. USSA-MY merupakan rakan kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UPM dalam membangunkan sukan secara berpadu.



## KAMAL ISHAK TERIMA SUMBANGAN INSURAN



Bekas pemain Sepak Takraw negara/UPM yang juga merupakan pelajar Bac. Pendidikan (Pendidikan Jasmani) Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Mohammad Kamal Ishak telah menerima bantuan dan sumbangan daripada panel insurans di bawah pengurusan Sekretariat Kerjaya dan Pendidikan Atlet (Malaysian Athlete Career and Education, MACE) Majlis Sukan Negara. Bantuan dan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican yang mengadakan kunjungan ke rumah Muhammad Kamal di Pulau Pinang. Turut hadir sempena program tersebut ialah Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia, Datuk Ahmad Ismail dan Pengarah Bahagian Atlet MSN, Encik Jefri Ngadirin. Muhammad Kamal Ishak merupakan atlet sepak takraw negara yang telah meraih pelbagai pencapaian dalam sukan tersebut sejak tahun 2015. Antaranya pingat perak Sukan SEA 2017 dan Sukan Asia Jakarta 2018.

## SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH



Pn. Mastura Shaari  
Bersara  
1981-2020



Cik Siti Fahana Mohd Ali Napiah  
Dinaikkan pangkat ke Penolong Pegawai Tadbir (N29)  
2 November 2020



En. Faris Danial Jamaluddin  
Berpindah ke agensi baharu  
1 Jun 2016 - 6 November 2020